

BAHAGIAN A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini*

- 1 (a) Jelaskan langkah yang anda ambil sebagai pelajar dalam menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Negara yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis dikatakan cenderung untuk mencari kekayaan tanpa batasan serta mempunyai banyak kelemahan. Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam pasaran telur ayam.

PUTRAJAYA: Kadar subsidi telur ayam dikurangkan kepada 5 sen daripada 10 sen.

Sumber: Ubah suai bharian.com.my, 30 April 2025

Jelaskan kesan situasi tersebut terhadap pasaran telur ayam.



.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

[5 markah]

Lihat halaman sebelah
SULIT

- (d) Rajah 1 menunjukkan kuantiti penawaran bagi satu barang.



Rajah 1

- (i) Hitung nilai keanjalan harga penawaran.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan penentu keanjalan harga penawaran di (d) (i)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Pernyataan berikut berkaitan sejenis pendapatan individu.

Encik Junaidi telah berjaya membuka 3 cawangan kedai serbaneka semenjak 10 tahun lepas.

Jelaskan pendapatan Encik Junaidi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah pembelian kereta.

Puan Lily ingin membeli kereta perodua AXIA 1.0 SE yang berharga RM38 942.89. Bayaran pendahuluan yang dikenakan ialah 10% dan kadar faedah 3.0% setahun. Beliau bercadang memilih bayaran secara sewa beli selama 9 tahun berdasarkan pendapatan dan kemampuan membayarnya.

- (i) Hitungkan jumlah yang perlu dibayar sebulan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (ii) Mengapa kaedah pembelian di atas dipilih?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Kelab Koperasi sebuah sekolah memberikan maklumat berkaitan dengan perniagaan kuih donat gebu untuk sehari.

Jualan	250 biji
Kos bahan mentah	RM50.00
Upah buruh	RM50.00
Sewa gerai	RM10.00
Kos kotak pembungkus	RM25.00
Harga donut sebiji	RM1.00

- (i) Hitung keuntungan Kelab Koperasi tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (ii) Terangkan jenis kos pengeluaran bagi kos bahan mentah.

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Infografik berikut menunjukkan salah satu projek pembangunan infrastruktur yang dirancang oleh pihak kerajaan.



Sumber : <https://www.mkn.gov.my>

Mengapa projek infrastruktur tersebut perlu dibina oleh kerajaan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Lihat halaman sebelah
SULIT

- 3 (a) Maklumat di bawah menunjukkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia: Kadar pengangguran di Malaysia telah berkurang kepada 3.3 peratus pada tahun 2024, berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Kedudukan pasaran buruh menunjukkan momentum yang baik, ekoran pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Pengangguran kekal rendah manakala guna tenaga telah mengalami peningkatan.

Sumber: <https://www.bernama.com/10> Februari 2025

Bagaimana pengurangan kadar pengangguran tersebut dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia.

KUALA LUMPUR: Kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang berkuatkuasa 1 Mac lalu, tidak memberi kesan ketara kepada kenaikan kadar inflasi kerana melibatkan barang pilihan tertentu sahaja. Ini kerana, perubahan kadar cukai itu tidak melibatkan perbelanjaan bagi makanan, minuman, utiliti dan komunikasi.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/> 26 Mac 2024

- (i) Jelaskan komponen cukai jualan dan perkhidmatan (SST) berdasarkan petikan.

.....
.....

[1 markah]

- (ii) Jelaskan kesan kenaikan cukai tersebut terhadap perbelanjaan rakyat.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Petikan berikut berkaitan dengan Sidang Kemuncak ASEAN 2025.

Cabaran dan Potensi ASEAN

Sidang Kemuncak ASEAN 2025 yang berlangsung pada Mei 2025 memperkukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa. Fokus utama berkaitan hubungan dan pengukuhan komuniti ASEAN serta kerjasama ekonomi serantau.

Sumber diubahsuai: <https://www.sinarharian.com>, 26 Mei 2025

Jelaskan kesan blok ekonomi tersebut ke atas negara Malaysia dalam konteks kerjasama ekonomi serantau.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan perdagangan Malaysia dengan Republik Korea.

Penunjuk	Eksport	Import
Nilai (RM juta)	24 985	25 611

- (i) Berapakah imbalan dagangan Malaysia dengan negara tersebut?

.....
.....

[1 markah]

- (ii) Berikan justifikasi berdasarkan jawapan anda di 3 (b) (i).

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B**[40 markah]**

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini

- 4** Maklumat berikut berkaitan satu faktor pengeluaran dalam ekonomi.

Berbekalkan pengalaman tujuh tahun menjahit baju keluarga, Intan, akhirnya memanfaatkan kemahirannya dan menjadikan bidang jahitan sumber pendapatan dengan mengeluarkan produk sendiri membantu menyara keluarga. Kini, produk beliau semakin menjadi permintaan ramai kerana pelbagai rekaan terkini yang menarik dikeluarkan dan seterusnya meningkatkan keuntungan perniagaanya.

- (a) Jelaskan ciri-ciri faktor pengeluaran tersebut. [5 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi permintaan produk tersebut. [6 markah]
- (c) Penglibatan pihak kerajaan dalam perusahaan tersebut dapat membantu meluaskan pasaran produk beliau. [9 markah]
Bincangkan.

- 5** Maklumat berikut berkaitan dengan satu aktiviti ekonomi.

Pelabur asing beri impak positif kepada rakyat

CYBERJAYA – Peningkatan kemasukan pelabur asing bukan hanya beri impak positif terhadap aliran pelaburan langsung asing (FDI) malah kepada rakyat keseluruhannya. FDI akan membuka peluang pekerjaan yang berkualiti kepada warga tempatan. Malah, menyumbang kepada perkembangan peningkatan infrastruktur dan pembangunan negara.

Sumber: <https://malaysiagazette.com>, 15 April 2019

- (a) Mengapakah berlakunya peningkatan FDI di Malaysia. [4 markah]
- (b) Peningkatan tersebut dapat membantu perkembangan guna tenaga yang berkemahiran dalam negara. [9 markah]
Buktikan.
- (c) Bagaimanakah peningkatan tersebut memberi manfaat kepada anda? [7 markah]

Lihat halaman sebelah
SULIT

6. Maklumat berikut berkaitan dengan pergantungan negara terhadap beras import.

Negara Ini Tidak Wajar Bergantung Kepada Beras Import

KUALA LUMPUR – Negara ini mesti mempunyai Dasar Sekuriti Makanan yang menyeluruh termasuk memperluas kegiatan pertanian terutamanya bagi pengeluaran beras supaya tidak bergantung kepada import. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), agensi kerajaan boleh menggunakan semula tanah terbiar untuk pertanian selain membantu petani dengan pemberian insentif dan memodenkan pertanian menggunakan teknologi terkini.

Sumber: Ubah suai bhonline.com.my, 25 Februari 2024

- (a) Mengapakah beras dianggap sebagai barang keperluan? [5 markah]
- (b) Jelaskan kesan pengurangan beras import terhadap imbalan dagangan Malaysia. [6 markah]
- (c) Pengurangan beras import yang dibawa masuk ke Malaysia memberi kelebihan kepada para petani tempatan. Anda bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelaskan. [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan peningkatan harga roti dalam pasaran.

Roti Gardenia Naik Harga – Senarai Harga Baru Mulai 1 Oktober 2023



Menerusi perkongsian yang tular di media sosial itu, senarai harga baru beberapa jenis roti Gardenia tersebut mengalami kenaikan harga sebanyak RM0.10 hingga RM0.40 bagi produk terpilih berbanding sebelumnya.

Peningkatan dalam kos bahan mentah dan bahan yang di luar kawalan dijangka menjadi punca syarikat itu terpaksa menyemak semula harga (*price revision*).

Sumber: <https://rakyatnews.my>, 29 Oktober 2024

(a) Huraikan jenis kos pengeluaran yang terlibat dalam situasi tersebut.

[4 markah]

(b) Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan situasi tersebut terhadap permintaan barang pengganti.

[7 markah]

(c) Bagaimanakah sesebuah firma dapat mengekalkan margin keuntungan apabila berdepan dengan peningkatan kos pengeluaran?

Jelaskan secara terperinci.

[9 markah]